

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Azmin dan abangnya sedang memasang pelita. _____ sangat gembira kerana dapat menyambut hari raya di kampung.
A Anda C Beliau
B Kalian D Mereka
- 2 Emyr dan Aisy _____ melanjutkan pelajaran ke luar negara pada tahun hadapan.
A akan C masih
B telah D pernah

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Kanak-kanak tidak sepatutnya *menongkah* perbualan orang tua.
II Adik *menongkah* dagu semasa menonton rancangan kegemarannya.
III Sebagai pekerja kita tidak seharusnya *menongkah* arahan ketua.
IV Nenek *menongkah* kain batik yang dihadiahkan oleh ibu kerana agak singkat.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
- 4 I “Sungguh *manis* rasa air sirap ini,” kata adik.
II Senyuman wanita itu *manis*.
III Banyak kenangan *manis* semasa kami menyertai ekspedisi itu.
IV Dia berasa *manis* apabila menerima berita gembira itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5 Puan Shiela menasihati murid-muridnya agar sentiasa menabung demi masa depan mereka.

- A bagi masa depan mereka
- B dalam masa depan mereka
- C antara masa depan mereka
- D demi masa depan mereka

6 Gubahan bunga itu diperbuat daripada pelbagai bunga-bunga segar.

- A dari pelbagai bunga segar
- B daripada berbagai bunga segar
- C daripada pelbagai bunga segar
- D daripada pelbagai bunga-bunga segar

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7 I Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa penyakit COVID-19 masih ada di negara kita.

II Juru audit itu telah membuat tafsiran yang tepat tentang nilai harta syarikat tersebut.

III Sejak Yusri berhijrah ke bandar dia jarang-jarang pulang ke kampung.

IV Yang menarik tentang cikgu baharu itu ialah kegigihannya mendidik murid.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

8 I Sesiapa yang bersalah akan dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

II Kerajaan negeri telah mengehadkan penebangan hutan untuk tujuan pembangunan.

III Pantai Bisikan Bayu di mana terjadinya peristiwa malang itu telah ditutup kepada pengunjung.

IV Sejak daripada tadi Puan Suseela Devi asyik termenung mengenangkan anaknya.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Kejadian buli jalan raya dapat diatasi sekiranya pihak berkuasa mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah.
- A Bagi mengatasi masalah buli jalan raya, maka hukuman berat perlu dibuat kepada pesalah.
 - B Pihak berkuasa yang dikenakan hukuman lebih berat akan dapat mengatasi masalah buli jalan raya.
 - C Jika kejadian buli jalan raya diatasi, hukuman berat dapat dikenakan oleh pihak berkuasa kepada pesalah.
 - D Dengan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah kejadian buli jalan raya dapat dibendung oleh pihak berkuasa.

Soalan 10

Pilih kata-kata hikmat yang paling sesuai.

"Sebagai satu pasukan, kita mestilah bersatu untuk menentang pihak lawan. Jangan sesekali kita berpecah belah," pesan ketua pasukan itu.

- 10 Kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A otak cerdas badan cergas
- B muafakat membawa berkat
- C bahasa menunjukkan bangsa
- D bersatu teguh, bercerai roboh